



Akhirnya dapat guna air paip selepas 10 tahun

Port Dickson: Selepas lebih 10 tahun hanya mandi air perigi, akhirnya hajat suami isteri uzur untuk menikmati kemudahan air paip dapat dirasai.

Naimat Hamzah, 75, mengakui bersyukur kerana selepas kisahnya disiarkan dalam Harian Metro pada 8 September lalu, pelbagai pihak menaja kos penyambungan air paip ke rumahnya di Batu 2, di sini.

Katanya, dia menghidap penyakit jantung, kencing manis dan darah tinggi, manakala isterinya, Zalipah Ibrahim, 49, mengalami masalah komplikasi buah pinggang kronik selain sebelah mata tidak mampu melihat dengan jelas.

"Isteri saya sekarang berada di Hospital Port Dickson kerana menghadapi masalah kesihatan teruk dan pada masa sama perlu membuat tiga kali rawatan dialisis dengan kos dibayar Baitulmal dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

"Terima kasih kepada pihak Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains), Baitulmal Negeri Sembilan, Pertubuhan Kebajikan Asnaf Setia Kasih Negeri Sembilan (PERKASIH N9) dan Penghulu Mukim Port Dickson, Jamsari Mohamad yang banyak membantu," katanya ketika ditemui di rumahnya, hari ini.

Naimat berkata, mereka hanya bergantung kepada bantuan RM250 sebulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan tidak mampu menanggung kos penyambungan paip air ke rumah.

Katanya, seperti mimpi apabila mereka kini mampu mandi tiga kali sehari dan dapat memasak dengan mudah kerana sudah lama tidak merasai kemudahan asas penting ini.

"Sebaik kisah kesukaran kami disiarkan, pelbagai pihak datang menyumbang dan pemasangan saluran paip terus ke rumah kami dilaksanakan pihak berkaitan.


"Alhamdulillah, dapatlah kami merasa hidup seperti orang lain biarpun dalam keadaan serba kekurangan, terima kasih semua yang membantu," ujarnya.

Sementara itu, Pengurus PERKASIH N9, Norfadilah Mansor berkata, sebaik dimaklumkan Jamsari mengenai masalah pasangan itu, pihaknya terus menghubungi agensi berkaitan.

Beliau berkata, Baitulmal bersedia membayar tunggakan hampir RM4,000, Sains membuat kerja pemasangan paip dan pihaknya mengeluarkan modal kerja paip berjumlah RM1,000.



Naimat (kiri) menunjukkan kepada (tengah) air paip yang sudah ada dirumahnya



Pelik air bertakung di ruang tamu rumah

Jempol: "Sejak sebulan lalu, saya hanya tidur dua jam sehari kerana perlu bangun seawal 4 pagi untuk membuang air yang bertakung di ruang tamu rumah."

"Saya pelik kerana air tidak diketahui puncanya itu masuk ke dalam rumah menyebabkan ia perlu dibuang setiap masa," kata ibu tunggal, Maimunah Abd Hamid, 67, dari Felda Pasoh Dua, hari ini.

Menurutnya, air yang masuk itu bukan sahaja bertakung di ruang tamu rumah, tetapi kini sudah merebak masuk ke bilik tidur.

Katanya, keadaan itu menyebabkan lantai sentiasa menjadi basah serta licin dan berbahaya kepada dia yang menghidap penyakit jantung, selain empat cucunya yang sering bermain di ruang tamu.

"Mengesyaki mungkin berpunca daripada paip bocor, saya membuat aduan kepada Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains) bagi mengenal pasti masalah itu.

"Namun selepas pihak Sains menggali di lokasi di saluran paip di hadapan rumah saya, didapati tiada paip pecah.

"Sudah tiga kali pihak Sains datang bagi mengenal pasti masalah berkenaan, namun semuanya memberitahu tiada masalah paip bocor," katanya.

Maimunah berkata, beberapa kelengkapan rumah seperti karpet dan kusyen sudah dibuang berikutan basah disebabkan air masuk ke dalam rumah.

Menurutnya, minggu lalu, bekalan air pernah terputus selama 24 jam di penempatannya dan ketika itu tiada air masuk ke dalam rumah.

Katanya, dia memohon dan merayu kepada pihak berkaitan supaya menyelesaikan masalah itu berikutan dia sudah tidak larat membuang air yang bertakung itu dengan menggunakan baldi.

Jiran Maimunah, Zulkifli Abdi, 47, berkata, halaman rumahnya turut digenangi air, namun tidak masuk ke dalam rumah dan tidak seterus rumah jirannya itu.

Katanya, pihak Sains turut menggali semula paip di hadapan rumahnya, namun tidak menemui paip bocor.



Air bertakung diruang tamu sebelum merebak dan masuk ke dalam bilik tidur